



KENYATAAN MEDIA
JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA
18 JAMADILAWAL 1443 HIJRAH / 23 DISEMBER 2021

PROGRAM REKALIBRASI PULANG PENDATANG ASING TANPA IZIN (PATI)
DILANJUTKAN SEHINGGA JUN 2022

Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) ingin memaklumkan bahawa Program Rekalibrasi Pulang Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI) adalah dilanjutkan sehingga 30 Jun 2022. Keputusan ini telah dipersetujui oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 22 Disember 2021.

Sejak program ini dilaksanakan mulai Disember 2020, sehingga 21 Disember 2021 seramai 192,281 orang PATI telah berdaftar untuk pulang secara sukarela melalui Program ini dengan tiga negara mencatatkan jumlah tertinggi iaitu Indonesia (99,047), Bangladesh (26,821) dan India (23,844). Daripada jumlah ini seramai 162,827 orang PATI telah pulang ke negara asal masing-masing.

Semua PATI adalah dinasihatkan supaya hadir ke Kaunter Program ini dalam tempoh 24 jam dan tidak datang terlalu awal bagi mengelakkan kesesakan di Lapangan Terbang atau Terminal Jeti.

#TAMAT#

DATO' SRI KHAIRUL DZAIMEE BIN DAUD
KETUA PENGARAH IMIGRESEN
MALAYSIA